

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam penggubalan Akta Perlindungan Pengguna dan apakah usaha Kementerian dalam memastikan barang keperluan seperti mesin basuh, peti sejuk dan televisyen tidak dikenakan riba pemangsa oleh institusi kredit terutamanya terhadap golongan B40.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sebagai sebuah "*Caring Ministry*", telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan kadar keberhutangan isi rumah dan membantu golongan pengguna terutamanya golongan B40 melalui **pindaan Akta Perlindungan Pengguna 1999** dengan memasukkan **Bab IIIB Urus Niaga Jualan Kredit** dan pengubalan **Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Jualan Kredit) 2017** bagi menangani masalah yang melibatkan pengenaan kadar faedah yang tinggi dalam transaksi jualan kredit.

Pindaan Akta dan Peraturan ini telah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 di mana Kerajaan telah menetapkan kadar faedah tetap maksimum tidak melebihi 15% setahun berbanding kadar faedah sebelum ini yang mencecah 35% hingga 40% setahun. Selain itu, kadar caj bayaran lewat juga telah ditetapkan tidak melebihi 5% setahun atas dasar harian berbanding dengan kadar sebelum ini yang melebihi 5% setahun. Dengan adanya pindaan Akta dan Peraturan ini, industri kredit tidak boleh sewenang-wenangnya mengenakan kadar faedah yang tinggi sehingga membebankan pengguna.

Penurunan kadar faedah ini akan membantu rakyat terutama mereka yang kurang berkemampuan untuk memiliki barangan pengguna seperti mesin basuh, peti sejuk dan televisyen. Bermula dari 1 Januari 2018, mana-mana pemberi kemudahan kredit yang melanggar peruntukan perundangan baharu ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda iaitu:

- 87
- i) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi RM100,000 dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi RM200,000; atau
  - ii) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, denda tidak melebihi RM50,000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, denda tidak melebihi RM100,000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.

Dalam masa yang sama, Kementerian sedang melaksanakan program advokasi kepada industri, dan masyarakat pengguna bagi menerangkan mengenai hak-hak dan obligasi mereka sebelum, semasa dan selepas memasuki suatu perjanjian transaksi jualan kredit. Kementerian juga sedang memperluaskan maklumat-maklumat berkaitan transaksi jualan kredit melalui penglibatan *Friends of KPDNKK* (FOK) serta NGO-NGO kepenggunaan sebagai ejen penggerak Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJJAH NORAH BT. ABDUL  
RAHMAN (TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 20 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10598**

**SOALAN :**

**PR-1361-L05097**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [ Tanjong Manis ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bagaimanakah  
Kementerian dapat memantapkan lagi prosedur menangkap  
penagih dadah kerana Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)  
tidak mempunyai kuasa menangkap mereka dan hanya boleh  
dibawa ke pusat pemulihan oleh ibu bapa mereka.**

89

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Pegawai-pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mempunyai kuasa menahan mereka yang disyaki sebagai penagih dadah di bawah Seksyen 3 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Prosedur penahanan penagih dadah dilaksanakan berasaskan peruntukan-peruntukan Akta tersebut dan Perintah Tetap Ketua Pengarah AADK, Bahagian B - Penahanan Sebelum Perintah Menjalani Rawatan dan Pemulihan.**

**AADK telah menangkap seramai 20,190 orang pada tahun 2015, 25,777 orang pada tahun 2016 dan 40,800 orang pada tahun 2017.**

**AADK telah melaksanakan perkhidmatan sukarela melalui model *Cure & Care* yang dilaksanakan sejak tahun 2010. AADK menggalakkan mereka yang menghadapi masalah penagihan dadah, terutamanya golongan belia untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara sukarela di fasiliti AADK seperti Klinik *Cure & Care* 1Malaysia dan *Cure & Care Service Centre* yang terdapat di seluruh negara.**